

01 AUG 1997

INTELLECT BERSATU DENGAN NCR NAK SEDIAKAM PENYELESAIAN KAD PINTAR

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Intellect, pemimpin dunia dalam dagangan elektronik, kini berpadu tenaga dengan NCR Malaysia untuk menyediakan penyelesaian kad pintar ke negara ini.

Dalam satu kenyataan hari ini, NCR berkata perjanjian perkongsian diadakan sejurus selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan terbitan Cadangan Permintaan untuk Tender bagi melaksanakan kad pintar negara -- MPC atau kad pelbagai guna.

MPC adalah satu daripada aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dan pelaksanaan keseluruhan prasarana kad pintar dalam negara ini.

Kad berkenaan dan sistem berkaitan membolehkan rakyat Malaysia menjalankan pelbagai jenis aplikasi seperti penggunaan elektronik biasa, bertindak sebagai lesen pemandu dan kad pengenalan negara.

Perkongsian Intellect/NCR ini adalah serasi dengan NCR memandangkan ia diiktirafkan sebagai peserta utama dalam bidang terminal layan diri dengan menguasai 80 peratus daripada pembahagian pasaran mesin teler automatik (ATM) di negara ini.

Produk Intellect pula terdiri daripada pembaca kad pintar, sistem pembayaran, dompet elektronik, terminal bergerak dan pemproses kriptografik yang menyelamatkan kemudahan seperti rangkaian perbankan. -- BERNAMA

MK MA/sia